



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-HUKMI

PANDANGAN FATWA MENGENAI YURAN PENYERTAAN PERTANDINGAN

Jabatan Mufti Negeri Kedah telah meneliti persoalan yang dikemukakan mengenai Yuran Penyertaan Pertandingan dan bersetuju memberi pandangan seperti berikut;

1. Sesuatu acara pertandingan, kuiz, pengujian dan seumpamanya adalah suatu persaingan yang sihat bertujuan menguji minda atau stamina para pelajar. Lazimnya, aktiviti tersebut dianjurkan sebagai salah satu bentuk motivasi untuk merangsang minat mereka dan bukan bermatlamatkan keuntungan.
2. Untuk menjayakan aktiviti yang dimaksudkan tentunya memerlukan perbelanjaan melibatkan kos pengurusan pertandingan, penghakiman, perubatan, makan minum, hadiah, kecemasan dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, penganjur akan mengenakan yuran pendaftaran sebagai salah satu daripada syarat penyertaan bagi membiayai kos-kos yang terlibat.
3. Justeru, yuran penyertaan atau apa-apa bayaran yang dikenakan oleh penganjur adalah harus dibelanjakan untuk menjayakan pertandingan yang dianjurkan, tidak terhad semata-mata pembelian hadiah kepada para peserta sahaja.
4. Jabatan ini turut menasihatkan supaya;
 - i) Pertandingan yang dianjurkan hendaklah **bebas daripada unsur pertaruhan, eksplotasi dan pembaziran.**
 - ii) Hadiah yang disediakan oleh penaja (sekiranya berkaitan) hendaklah daripada **sumber yang halal.**

- iii) Hadiah yang disediakan oleh pihak penganjur hendaklah sesuatu yang diharuskan penggunaannya oleh Syarak.

TARIKH KEPUTUSAN : 26 FEBRUARI 2020